

Cacing

Cacing Benang

- Ia juga dikenali sebagai cacing jarum.
- Jangkitan cacing benang sebenarnya merujuk kepada jangkitan oleh *Enterobius vermicularis* dalam salur gastrousus (penghadaman) manusia.
- Disebabkan cara ia membiak, cacing benang lebih banyak dijumpai di kalangan kanak-kanak berbanding orang dewasa.

Kitaran hidup cacing benang

- Cacing benang sangat kecil (panjangnya cuma 1cm), berwarna putih dan berbentuk seperti benang.
- Ia boleh ditemui di hujung bahagian atas usus besar berhampiran dengan apendiks. Ia akan bergerak ke bahagian luar dubur untuk bertelur.
- Telur itu kemudiannya akan dipindahkan daripada kawasan sekeliling dubur ke pakaian tidur, kelengkapan tilam/tempat tidur (seperti cadar, sarung bantal), habuk dan udara.
- Walau bagaimanapun cara penularan yang paling biasa berlaku ialah melalui tangan pesakit, khususnya di celah kuku tangan, ketika menggaru atau mengendalikan pakaian, cadar dan sarung bantal.
- Apabila kanak-kanak menghisap ibu jari atau menjilat jari (selepas menggaru kawasan dubur), telur akan ditelan dan kitaran hidupnya akan bermula kembali.

Tanda-tanda dan Gejala

- Tiada sebarang tanda atau gejala yang ditunjukkan semasa jangkitan yang ringan.
- Semasa jangkitan yang lebih teruk, gejala yang biasa timbul ialah gatal-gatal dan sukar tidur dengan nyenyak di malam hari. Ini disebabkan kegatalan yang amat sangat dan kronik di bahagian dubur pada waktu malam.
- Sakit perut atau perut kembung.
- Hilang selera makan.
- Loya dan muntah.

Ujian

Cacing benang boleh dilihat dengan mata kasar dengan menyuluh lampu di bahagian dubur kanak-kanak. Ia boleh dilakukan beberapa jam selepas waktu tidur.

Atau

Pada waktu pagi sebelum mandi dan membuang air besar, lekatkan pita pelekat selofan di kawasan sekeliling dubur. Sebarang telur yang ada di situ akan melekat pada pita tersebut.

Apakah harus anda lakukan?

- Ambil ubat antihelmin (ubat anti cacing). Dapatkan nasihat pegawai farmasi mengenai ubat cacing benang yang bersesuaian sebelum membelinya.
- Berjumpalah doktor jika cacing masih kelihatan di waktu malam walaupun selepas 3 hari rawatan diberikan di rumah.

Penjagaan sendiri

- Basuh tangan dengan sabun dan beruslah kuku setiap kali sebelum makan dan selepas ke tandas.
- Segera mandi selepas bangun tidur (ini akan menanggalkan dan membersihkan telur yang terkumpul pada waktu malam).
- Pakaikan kanak-kanak dengan baju tidur, sarung tangan atau seluar dalam yang kejam untuk mengelakkan telur dari terlekat pada tangan atau termasuk ke celah-celah kuku semasa menggaru.
- Pastikan kuku kanak-kanak pendek dan bersih.